



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
**KOD KURSUS : DSM1053**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2018**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Mondy mendefinisikan Pengurusan Sumber Manusia sebagai
  - A amalan dan polisi yang diperlukan untuk mengurus individu.
  - B penggabungan semua tenaga kerja yang pelbagai untuk mencapai matlamat.
  - C penggunaan sepenuhnya individu di dalam organisasi untuk mencapai objektif organisasi.
  - D satu sistem yang komprehensif dan bersepadu bagi mengurus tenaga kerja secara efektif.

2.

- ◆ Waktu kerja anjal.
- ◆ Menangani isu-isu gangguan seksual.
- ◆ Bayaran yang setimpal tanpa mengira jantina.

Pernyataan 1

Apakah isu Pengurusan Sumber Manusia yang bersesuaian dengan Pernyataan 1?

- A Isu keperibadian.
  - B Wanita dan dwi kerjaya.
  - C Kepelbagaian tenaga pekerja.
  - D Keseimbangan antara kerja dan keluarga.
- 
3. Spesifikasi pekerjaan mempunyai peranan yang penting dalam
    - A fungsi perekrutan.
    - B fungsi pemilihan.
    - C model ciri-ciri pekerjaan.
    - D analisis pekerjaan fungsian.

4. Di antara perkara berikut yang manakah kandungan spesifikasi pekerjaan?
- A Tanggungjawab utama.
  - B Piawaian prestasi yang mesti dicapai.
  - C Kelayakan umum seperti pengalaman kerja dan latihan.
  - D Mesin, jentera dan peralatan yang digunakan dalam pekerjaan.
5. Apakah jenis ujian yang digunakan untuk menguji keupayaan fizikal?
- A Poligraf.
  - B Kognitif.
  - C Grafologi.
  - D Psikomotor.
6. Ia mengukur perubahan kadar nafas, tekanan darah dan nadi individu ketika sedang disoal.

Pernyataan 2

Apakah jenis ujian di dalam Pernyataan 2?

- A Poligraf.
  - B Kognitif.
  - C Integriti.
  - D Grafologi.
7. Kaedah pengambilan pekerja melalui sumber dalaman termasuk semua yang berikut **kecuali**
- A pemindahan.
  - B kenaikan pangkat.
  - C sistem rekod berkomputer.
  - D panggilan semula pekerja yang telah diberhentikan.

8. Apakah tanggungjawab bahagian sumber manusia dalam proses pengambilan?
- A Meramalkan keperluan pengambilan.
  - B Menghebahkan maklumat tentang kekosongan jawatan.
  - C Menentukan keperluan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan.
  - D Menganggarkan bilangan pekerja yang akan mengisi kekosongan jawatan.
9. Secara umumnya, terdapat \_\_\_\_\_ proses di dalam pembentukan latihan.
- A 6
  - B 8
  - C 10
  - D 12
10. Pilih antara berikut manakah maklumat yang terkandung dalam sistem pampasan organisasi semasa program orientasi diadakan.
- i. Insurans kesihatan.
  - ii. Program persaraan.
  - iii. Program latihan dan pembangunan.
  - iv. Maklumat keselamatan organisasi.
- A i dan ii sahaja.
  - B i dan iii sahaja.
  - C ii dan iv sahaja.
  - D i, ii dan iii sahaja.

11.

Penilaian yang dilakukan adalah berdasarkan satu dimensi yang dianggap boleh memberi gambaran yang menyeluruh tentang prestasi pekerja.

Pernyataan 3

Apakah kaedah yang boleh dilakukan oleh penilai berdasarkan Pernyataan 3?

- A Kaedah hasil.
- B Kaedah perbandingan.
- C Kaedah sifat atau personality.
- D Kaedah gelagat atau kelakuan.

12. Siapakah yang melakukan penilaian subordinat?

- A Kendiri.
- B Rakan sekerja.
- C Perunding bebas.
- D Pekerja bawahan.

13. Apakah contoh pampasan kewangan langsung?

- A Elaun.
- B Insentif.
- C Insurans.
- D Perkongsian keuntungan.



14.

- ◆ Cuti sakit.
- ◆ Cuti umum.
- ◆ Cuti tahunan.

Pernyataan 4

Perkara di atas merupakan salah satu peruntukan yang terkandung di dalam

- A Akta Pekerjaan 1955.
- B Akta Pampasan Pekerja 1952.
- C Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.
- D Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

15. Apakah peranan majikan terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja?

- A Meluluskan dan menguatkuasakan undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerja.
- B Menjalankan pemeriksaan terhadap alatan dan kelengkapan yang digunakan di premis perniagaan.
- C Menetapkan dasar-dasar dan peraturan-peraturan keselamatan yang khusus dalam bentuk bertulis.
- D Mematuhi segala prosedur dan peraturan keselamatan yang ditetapkan dan melaporkan sebarang bahaya keselamatan.

16. Antara berikut manakah **bukan** cuti pelepasan am yang wajib diambil oleh organisasi?

- A Tahun Baru.
- B Hari Pekerja.
- C Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong.
- D Hari Keputeraan Sultan atau Raja atau Yang Dipertua Negeri atau Hari Wilayah Persekutuan.

17. Berapakah cuti tahunan bagi pekerja yang telah berkhidmat selama 4 tahun?

- A 8 hari.
- B 10 hari.
- C 12 hari.
- D 16 hari.

18. Manakah antara berikut merupakan faedah tidak berkanun?

- i. Klinik panel.
- ii. Elaun perumahan.
- iii. Insurans kemalangan.
- iv. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

- A i dan ii sahaja.
- B i dan iii sahaja.
- C ii dan iv sahaja.
- D i, ii dan iii sahaja.

19. Antara berikut, manakah yang mewakili kesatuan pekerja sektor awam?

- A Kongres Kesatuan Kerja Malaysia.
- B Kesatuan Pekerja Keretapi Tanah Melayu.
- C Kesatuan Sekerja Pengangkutan.
- D Kesatuan Sekerja Pekerja Telekom.



20. Apakah contoh kandungan yang wajib ada di dalam perjanjian kolektif?

- i. Gaji dan upah.
- ii. Ganjaran persaraan.
- iii. Faktor keselamatan.
- iv. Peraturan tempat kerja.

- A i dan ii sahaja.
- B iii dan iv sahaja.
- C i, ii dan iii sahaja.
- D Semua diatas.

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Senaraikan **enam (6)** fungsi Pengurusan Sumber Manusia.

(6 markah)

b. Senaraikan **empat (4)** isu-isu Pengurusan Sumber Manusia.

(4 markah)

**SOALAN 2**

Jelaskan **empat (4)** kaedah analisa pekerjaan.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Jelaskan **lima (5)** jenis-jenis temuduga pekerjaan.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Jelaskan **lima (5)** kebaikan latihan kepada pekerja.

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Kebanyakan pengurus dan pekerja tidak suka dengan aktiviti penilaian prestasi. Walau bagaimanapun, sistem penilaian prestasi adalah sangat penting dalam organisasi.

- a. Terangkan **lima (5)** tujuan penilaian prestasi. (10 markah)
- b. Bincangkan **lima (5)** kesilapan dalam penilaian prestasi. (10 markah)

**SOALAN 2**

Kilang Cybertron mengeluarkan alat ganti untuk kereta dan trak. Pekerja syarikat bekerja menggunakan pelbagai jenis mesin dan bahan kimia yang boleh mengakibatkan masalah kesihatan dan kecederaan teruk.

- a. Huraikan **lima (5)** punca kemalangan di tempat kerja. (10 markah)
- b. Bincangkan **empat (4)** bahaya kesihatan di tempat kerja. (8 markah)
- c. Nyatakan **dua (2)** program keselamatan dan kesihatan yang boleh dilaksanakan oleh Kilang Cybertron. (2 markah)

**SOALAN 3**

Pekerja di syarikat Yusuf Tayib sedang dalam proses pengiktirafan sekerja. Rundingan kolektif diadakan oleh kesatuan sekerja dan pihak pengurusan untuk membincangkan isu berkenaan terma dan syarat perkhidmatan.

a. Terangkan **tiga (3)** tindakan perusahaan yang boleh diambil untuk menyatakan ketidakpuashati oleh pekerja atau majikan.

(9 markah)

b. Bincangkan **empat (4)** prosedur penyelesaian pertelingkahan atau konflik yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku.

(8 markah)

c. Nyatakan **tiga (3)** kategori pekerja bermasalah di dalam organisasi.

(3 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



